



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

SIRI SEMINAR PERSAINGAN 2019: TRANSFORMASI PERNIAGAAN MELALUI PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2010

SESI 2: PENGUATKUASAAN AKTA PERSAINGAN 2010

29 OGOS 2019

MOHD HASBULLAH BIN MOHAMAD FAUDZI

PENOLONG PENGARAH KANAN, BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN, MyCC

FOKUS PEMBENTANGAN

Proses Penyiasatan MyCC

Aktiviti Tipuan Bida

Regim Kelonggaran

Kes-kes terkini MyCC

PROSES PENYIASATAN MYCC

PUNCA KUASA MyCC



LAWS OF MALAYSIA

ONLINE VERSION OF UPDATED
TEXT OF REPRINT

Act 712

COMPETITION ACT 2010

As at 15 August 2016

**Akta Persaingan 2010
(AP 2010)**



LAWS OF MALAYSIA

ONLINE VERSION OF UPDATED
TEXT OF REPRINT

Act 713

COMPETITION COMMISSION ACT
2010

As at 1 March 2016

**Akta Suruhanjaya Persaingan 2010
(ASP 2010)**

LARANGAN AMALAN ANTI-PERSAINGAN DI BAWAH AP 2010

Amalan Antipersaingan


Perjanjian Antipersaingan



Penyalahgunaan kedudukan dominan




MYCC ADALAH BADAN SEPARA KEHAKIMAN



BAGAIMANA MyCC MEMULAKAN SIASATAN?

**Ex-Officio
(Seksyen 14(1) AP 2010)**



**Arahan Menteri
(Seksyen 14(2) AP 2010)**



**Aduan
(Seksyen 15 AP 2010)**



**Rejim Kelonggaran
(Seksyen 41 AP 2010)**



PROSES SIASATAN EX-OFFICIO - S.14(1) AP 2010

❑ Inisiatif MyCC (“*ex-officio*”) menjalankan siasatan **TANPA** sebarang aduan kepada MyCC atau arahan daripada pihak lain.

❑ Sumber maklumat MyCC:

- Laporan akhbar dan media
- Media sosial
- Pemberi maklumat

Announcement of price hike draws attention of MyCC

By Peter Boon
reporters@thebostonpost.com

SIBU: A local confectionery association has come under the Malaysia Competition Commission's (MyCC) scrutiny following its move to hike prices of bread and confectionery from Dec 1.

Sibu Confectionery and Bakery Association at its second annual general meeting on Sunday announced a hike of 10 to 15 per cent to offset spiralling cost.

According to Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism (MDTCC) state director Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman, MyCC was investigating the matter.

“The association did not inform the ministry of the proposed hike.

“There wasn't any discussion with MDTCC,” Wan Uzir confirmed yesterday when asked if the association had discussed with the ministry before making the decision to hike prices of bread and confectionery.

This latest development came just days after consumers here were hit by the price increase of drinks by between 20 and 50 sen after the government removed the sugar subsidy recently.

Sibu Coffee Shop and Restaurant Owners Association chairman Tong Ing Kok recently cautioned that an uglier nightmare might arise in less than two months' time.

Meanwhile, to alleviate consumers' concern, Sibu Confectionery and Bakery Association chairman Huang Sien Meu claimed that the

level playing field for all players in the market, quashing anti-competitive practices such as cartels and collusions to protect consumers.

“The Act also prevents firms or enterprises from abusing their dominant market position that could create economic hardships for consumers,” he explained.

Meanwhile, a construction worker, known only as Kelvin, when met outside a construction site here yesterday, lamented that the increase starting next month would be burdensome to labourers.

“We are daily paid workers and come from low-income families. The increase of 10 to 15 per cent in bread and confectionery would create economic hardships for us.”

Taxi driver Robert Angka, also opined that the increase would be burdensome to consumers, particularly those in the lower income bracket.

He, however, reckoned that people would gradually adjust to the new economic reality.

PRICEY BREAD: Consumers in Sibu bracing for costlier bread and confectionery following the association's announcement of an increase of 10 to 15 per cent next month to offset spiralling cost. (Inset) Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman.

The association did not inform the ministry of the proposed hike. There wasn't any discussion with MDTCC.

Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman, Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism state director




PROSES SIASATAN ATAS ARAHAN MENTERI -S.14(2) AP 2010

- ❑ Apabila YBM KPDNHEP memberi arahan kepada MyCC untuk menyiasat suatu perlakuan yang disyaki merupakan suatu pelanggaran di bawah AP 2010, MyCC **HARUS** menyiasat perkara tersebut dengan **SERTA-MERTA**


MyCC mula siasat syarikat tayar, minuman



KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memulakan siasatan terhadap beberapa syarikat tayar dan pengeluar minuman di Malaysia untuk menyemak kemungkinan perlakuan anti-persaingan.

Siasatan dilakukan susulan arahan daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Saifuddin Nasution Ismail, berikutan pengeluaran notis kenaikan harga yang dikeluarkan oleh beberapa pemain industri pada bulan Julai dan Ogos 2018 sebelum pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September lalu.

PROSES SIASATAN ADUAN YANG DITERIMA MyCC-S.15 AP 2010



PROSES SIASATAN BERDASARKAN REJIM KELONGGARAN YANG DIPOHON KEPADA MyCC- S.41 AP 2010



❑ *Rejim Kelonggaran*

- ❖ **Terlibat** dalam mana-mana perjanjian anti-persaingan di bawah **s.4(2) AP 2010**;
- ❖ **Melaporkan kepada MyCC** mengenai perjanjian anti-persaingan tersebut;
- ❖ **Mengakui penglibatan** dalam perjanjian anti-persaingan tersebut; dan
- ❖ **Memberi maklumat atau kerjasama yang signifikan** kepada MyCC semasa siasatan.

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH MYCC SEMASA & SELEPAS PENYIASATAN

LANGKAH INTERIM - S.35 AP 2010


- Hanya terpakai jika MyCC telah memulakan tetapi belum menyelesaikan suatu penyiasatan di bawah seksyen 14

PENERIMAAN AKU JANJI – S.43 AP 2010

- Hanya semasa siasatan sedang dijalankan
- Sekiranya diterima, siasatan akan ditutup tanpa dapatan pelanggaran dan penalti
- Aku janji tersebut akan menjadi dokumen yang dapat diperiksa oleh orang awam

KEPUTUSAN YANG DICADANGKAN - S.36 AP 2010

- Selepas siasatan selesai
- Bercadang untuk membuat keputusan terdapat pelanggaran AP 2010



MyCC boleh mengambil tindakan berikut:-

- ❖ Mengeluarkan **arahan** menghendaki pelanggaran **dihentikan serta merta**;
- ❖ Arahan menghendaki langkah-langkah lain diambil bagi menghentikan pelanggaran;
- ❖ Mengenakan **Penalti kewangan sebanyak maksimum 10% daripada pusing ganti perusahaan di seluruh dunia**; dan
- ❖ Arahan lain yang difikirkan sesuai oleh MyCC.

AKTIVITI TIPUAN BIDA

TAHUKAH ANDA?

DIBAWAH AKTA PERSAINGAN
2010, **TIPUAN BIDA** ADALAH
DIANGGAP SEBAGAI
LARANGAN YANG SERIUS !!



- Bagi sesetengah negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Australia dan Jepun, **tipuan bida adalah suatu kesalahan jenayah!**
- Di bawah Akta Persaingan 2010, tipuan bida adalah **suatu pelanggaran yang boleh dikenakan penalti kewangan!**

APAKAH ITU “BIDAAN”?

- Bidaan adalah proses persaingan untuk mencapai nilai yang terbaik dalam aktiviti-aktiviti tender
- Bidaan boleh dijalankan dalam beberapa cara seperti bidaan terbuka, bidaan tertutup dan sebagainya





PERBEZAAN TIPUAN BIDA DENGAN RASUAH

Rasuah:

Penerimaan atau
pemberian **suapan**
sebagai upah atau
dorongan untuk seseorang
individu kerana melakukan
atau tidak melakukan
sesuatu **perbuatan yang**
berkaitan dengan tugas
rasm



Tipuan bida:

Satu **pakatan** dalam
kalangan **perusahaan**
untuk memenangi tender
secara tidak kompetitif.

Ada kemungkinan juga **kedua-dua ciri-**
ciri rasuah dan tipuan bida boleh
wujud dalam sesuatu bidaan!

ANGGARAN PERINGKAT PEROLEHAN AWAM DI BENUA ASIA

INDIA:

sehingga 30%
daripada Keluaran
Dalam Negeri Kasar
(‘KDNK’)

FILIPINA:

sehingga 29% of
daripada bajet negara

SINGAPURA:

4% daripada KDNK

MALAYSIA :

sehingga 25%
daripada KDNK

INDONESIA:

sehingga 30%
daripada bajet negara

*Sumber : The Organisation for Economic
Co-operation and Development (‘OECD’)*

KEPENTINGAN PEROLEHAN YANG KOMPETITIF

- Harga yang lebih rendah
- Kualiti produk yang lebih baik
- Menggalakkan inovasi



Sistem perolehan awam yang kompetitif akan memberi faedah kepada ekonomi negara kerana perolehan awam melibatkan infrastruktur utama (lebuhraya, kereta api, elektrik)

JIKA TIDAK DIENDAHKAN TIPUAN BIDA...



Jangka Panjang

- Perusahaan tidak perlu lagi bersaing sesama sendiri
- Industri dan perusahaan menjadi tidak cekap
- Kualiti produk tidak berkadar dengan kos
- Penggunaan wang pungutan cukai yang tidak cekap



Jangka Pendek

- Harga kontrak kekal tinggi.
- Agensi tender terpaksa membayar kos-kos yang tidak sepatutnya
- Halangan kepada pengagihan sumber yang cekap

JENIS-JENIS TIPUAN BIDA

BIDAAN TERSELINDUNG

- Pembida-pembida bersepakat menyerahkan secara sengaja harga bida yang lebih tinggi daripada harga yang diserahkan oleh pembida yang telah ditetapkan untuk mendapatkan tender tersebut

BIDAAN YANG MENINDAS

- Semua pihak yang berpakat tidak membida dan mereka membenarkan satu pihak yang telah ditentukan terlebih dahulu memenangi sesuatu tender.

PENARIKAN BALIK BIDA

- Pembida-pembida yang bersepakat menarik balik bida mereka secara sengaja pada penghujung tempoh bida, meniggalkan pembida terpilih untuk memenangi bida tersebut

BIDAAN SECARA GILIRAN

- Pembida mengambil giliran bagi menyerahkan sesuatu harga tender yang paling kompetitif, atau harga yang paling rendah (dan akhirnya memenangi kontrak tersebut).

BIDAAN TIDAK MEMATUHI

- Pembida yang bersepakat secara sengaja menyerahkan bida yang tidak mengikut terma dan syarat yang ditentukan di dalam tender.



Tanda-tanda mencurigakan dalam dokumen bidaan

- Kesilapan yang sama, bentuk dokumen bidaan yang sama atau kos anggaran yang sama
- Mempunyai alamat, nombor telefon atau pekerja yang sama
- Tanda-tanda bahawa bidaan yang dibuat adalah tidak benar kerana tidak mempunyai butiran yang lengkap atau tidak mengikut terma yang disediakan



Contoh kes – U.S Storm Damage Repair

Terdapat kesilapan menaip yang sama di dalam dua muka surat iringan yang dihantar oleh dua pembida yang berbeza untuk membaiki kerosakan disebabkan taufan yang melanda Guam.

- Kedua-dua surat iringan tersebut berakhir dengan perkataan: *‘Please give **us** a call **us** if you have any questions. Thank you very much’*
- Menyedari kesilapan meletakkan perkataan **“us”** sebanyak dua kali di dalam kedua-dua surat tersebut, pegawai perolehan berjaya mengesan pakatan sulit.

Contoh kes – El Salvador Airline Tickets

Tanda-tanda mencurigakan dalam harga tawaran tender

- Kenaikan harga mendadak yang tidak dapat dijelaskan, atau kehilangan diskaun secara tiba-tiba tanpa penjelasan munasabah
- Perbezaan harga yang meragukan; mengikut kawasan, agensi kerajaan atau pembeli kerajaan atau sektor swasta
- Persamaan harga atau terma ketara yang tidak munasabah

Services to be rendered	Amate Travel	Agencia Viajes Escamilla	U Travel	Inter-Tours
Cost for issuing round trip tickets	\$39.55	\$39.55	\$39.55	\$39.55
Flight confirmations/ tickets and reservation voucher	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Premium Ticket Procedure	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Ticket Annulment	Cost free	\$39.55	Cost free (the same day)	NA
Ticket Re-issuance	\$39.55	\$39.55	\$39.55	\$39.55
Issuance of ticket against exchange order (MCO)	\$39.55	Cost free	\$39.55	\$39.55
Procedure for the reimbursement of non-utilized tickets	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Procedure for the reimbursement of lost tickets	Cost free	Cost free	Cost free	NA
Train reservation	Cost free	Cost free	Cost free	NA



Kenyataan mencurigakan

- Terdapat tanda-tanda komunikasi di antara pembida
- Kenyataan seperti “harga industri” atau “harga biasa”
- Tanda-tanda pelanggan tertentu atau kawasan tertentu dimiliki oleh pembida tertentu
- Tanda-tanda pembida seakan-akan tahu bahawa mereka tidak akan memenangi sesuatu tender atau seperti tahu pembida yang bakal memenangi tender

Contoh kes – Canadian Bus Services

Kedua-dua pembida menyerahkan bidaan yang hampir sama.

Selepas tender diberikan, pembida yang gagal mendapat sebahagian besar tender telah menelefon pegawai perolehan.

Nota perbincangan yang dicatat oleh pegawai perolehan menunjukkan bahawa pembida tersebut mengetahui harga bidaan oleh pembida-pembida lain dan adalah hampir di antara satu sama lain meskipun bidaan dibuat secara sulit

REJIM KELONGGARAN

Apa itu Rejim Kelonggaran?

Di bawah Seksyen 41 AP 2010, rejim kelonggaran terpakai kepada perusahaan yang **mengakui penglibatan** dalam penjanjian mendatar seperti yang digariskan di bawah Seksyen 4(2) AP 2010.

Perusahaan juga harus **memberikan maklumat** atau **bentuk kerjasama** kepada MyCC dalam mengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan pelanggaran.



Sekiranya MyCC berpuas hati dengan kedua-dua syarat tersebut, perusahaan tersebut boleh diberikan **sehingga 100% pengurangan penalti!**



100% penalti

Sehingga 0% penalti

Penalti



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

*Permohonan Rejim
Kelonggaran*





Lengkapkan
borang
permohonan
berserta
pengakuan dan
dokumen
sokongan yang
relevan

Penilaian
permohonan oleh
MyCC. Sekiranya
berpuas hati,
pemohon perlu
menandatangani
syarat-syarat
perjanjian
kelonggaran

MyCC akan
menjalankan
siasatan. Pemohon
perlu memberi
kerjasama
sepenuhnya.

Setelah siasatan
selesai, MyCC
akan
mengeluarkan
keputusan
terhadap ahli-ahli
kartel termasuk
pemohon. Walau
bagaimanapun,
pertimbangan
penalti akan
diberikan kepada
pemohon

Proses Permohonan Rejim Kelonggaran

Bagaimana untuk menghubungi MyCC?:

Telefon:

03-2273 2277

(Isnin-Jumaat: 8.30 pagi - 5.00 petang)

**Emel:**lu@mycc.gov.my**Pos:**

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Aras 15, Menara SSM@Sentral, No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur



Hadir ke pejabat MyCC:

Aras 15, Menara SSM@Sentral



KES-KES TERKINI SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

KEPUTUSAN AKHIR DAPATAN PELANGGARAN : MAS/AIRASIA

- ❑ Pada 31 Mac 2014, MyCC mendapati MAS dan AirAsia telah melanggar AP 2010 kerana terlibat dengan perjanjian perkongsian pasaran.
- ❑ MyCC mengenakan penalti kewangan ke atas MAS dan AirAsia masing-masing sebanyak RM10juta.
- ❑ MAS dan AirAsia yang tidak berpuas hati dengan Keputusan Akhir MyCC telah merayu ke Tribunal Rayuan Persaingan (CAT). Hasil rayuan telah mengetepikan keputusan MyCC.
- ❑ MyCC memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman ke atas keputusan CAT.

Nota: Pada 20 Disember 2018, Mahkamah Tinggi mendapati keputusan CAT dicemari kesalahan undang-undang dan tidak munasabah. Keputusan yang dikeluarkan oleh MyCC dikekalkan dan Mahkamah Tinggi mengarahkan MAS dan AirAsia membayar penalti kewangan kepada MyCC.

KEPUTUSAN AKHIR DAPATAN PELANGGARAN : MyEG

- ❑ Pada 24 Jun 2016, MyCC mendapati MyEG telah melanggar AP 2010 kerana menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam pasaran.
- ❑ MyCC mengenakan penalti kewangan ke atas MyEG sebanyak RM1.96 juta. MyEG tidak berpuas hati dengan keputusan itu telah membuat rayuan ke Tribunal Rayuan Persaingan (CAT).
- ❑ Pada 28 Disember 2018, CAT telah mengekalkan keputusan MyCC dan menghendaki MyEG membayar faedah sebanyak RM7,500 sehari sehingga Keputusan Akhir MyCC dipatuhi sepenuhnya oleh MyEG. MyEG memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman ke atas keputusan CAT.
- ❑ Pada 22 Januari 2019, Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan semakan kehakiman dari MyEG.

Nota: Pada 4 Mac 2019, MyEG telah mematuhi arahan MyCC sepenuhnya. Jumlah keseluruhan penalti kewangan termasuk faedah adalah sebanyak RM 9.6 juta.

CADANGAN KEPUTUSAN DAPATAN PELANGGARAN : KARTEL TIPUAN BIDA VENDOR IT

- ❑ Pada 26 Februari 2019, MyCC telah mengeluarkan cadangan keputusan dapatan pelanggaran ke atas lapan (8) vendor IT berdasarkan hasil siasatan MyCC.
- ❑ Siasatan mendapati vendor-vendor IT tersebut telah melakukan tipuan bida bagi mendapatkan tender dan sebutharga yang ditawarkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).
- ❑ Jumlah keseluruhan penalti kewangan yang dicadangkan MyCC adalah sebanyak RM1.9 juta.
- ❑ MyCC akan mengeluarkan Keputusan Akhir setelah mendengar representasi bertulis dan lisan daripada vendor-vendor IT tersebut.

Nota: Kes siasatan ini merupakan kes tipuan bida pertama yang berjaya disiasat di Malaysia. MyCC kini sedang meneliti beberapa kes tipuan bida lain yang melibatkan nilai projek beratus-ratus juta ringgit Malaysia.

CADANGAN KEPUTUSAN DAPATAN PELANGGARAN : DAGANG NET TECHNOLOGIES SDN. BHD.

- ❑ Pada 10 Julai 2018, MyCC telah mengeluarkan cadangan keputusan dapatan pelanggaran ke atas pemegang konsesi Sistem Maklumat Kastam, Dagang Net Technologies Sdn Bhd (Dagang Net).
- ❑ Siasatan mendapati Dagang Net telah menyalahgunakan kedudukan dominannya dalam menyediakan perkhidmatan fasilitasi perdagangan di bawah Sistem Maklumat Kastam.
- ❑ Jumlah keseluruhan penalti kewangan yang dicadangkan MyCC adalah sebanyak RM17.3 juta.
- ❑ MyCC akan mengeluarkan Keputusan Akhir setelah mendengar representasi bertulis dan lisan daripada Dagang Net.

Nota: Kerajaan mempunyai kuasa untuk menganugerahkan konsesi kepada mana-mana perusahaan. Hasilnya, perusahaan tersebut boleh menjadi monopoli atau mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran. Peranan MyCC adalah memastikan bahawa perusahaan-perusahaan ini tidak menyalah gunakan kedudukan dominannya dalam pasaran. MyCC tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas untuk menghapuskan kelakuan anti-persaingan.

AKU JANJI: PENGUSAHA PASIR DI KELANTAN

- ❑ Pada 10 Januari 2017, beberapa pengusaha pasir di jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang, Kelantan telah sama-sama bersetuju untuk mengenakan harga pasir berdasarkan kepada senarai harga pasir yang dikeluarkan oleh mereka sendiri bagi tanah jajahan masing-masing.
- ❑ Pada 25 September 2017, semasa siasatan dijalankan MyCC, pengusaha-pengusaha pasir tersebut telah mengemukakan aku janji untuk menghentikan penetapan harga tersebut serta memansuhkan senarai harga pasir yang dikeluarkan pada 10 Januari 2017.
- ❑ MyCC telah menerima aku janji tersebut termasuk meletakkan syarat bahawa pengusaha-pengusaha pasir tersebut harus mengeluarkan kenyataan akhbar di Sinar Harian, Harian Metro, The Star dan Sin Chew Daily berkenaan aktiviti penetapan harga mereka dan permohonan maaf di atas tindakan tersebut.

TERIMA KASIH!



www.mycc.gov.my

Malaysia Competition Commission
Level 15, Menara SSM@Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur
T: +603 2273 2277
F: +603 2272 1692

complaints@mycc.gov.my